



KARISTA 2023

Nukilan Melati Desa, Norhafizah Abd. Halil & Syahirah Ramli

Karnival Sukan Staf UiTM 2023 yang telah diadakan di UiTM Cawangan Pahang pada 3 hingga 9 Mac 2023 telah melabuhkan tirainya. Acara tahunan yang gilang-gemilang ini telah mempertandingkan 18 acara sukan antaranya dart, ping pong, golf, tenpin boling, tenis, petanque, bola sepak, karom, memanah, bola jaring. UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) telah menghantar seramai 177 orang atlet dan pegawai ke kejohanan sukan tersebut.

Pasukan Ten Pin Boling Wanita

Dalam pada usia semakin meningkat, digagahkan diri juga dalam acara pemilihan dan Alhamdulillah berjaya terpilih sebagai salah seorang pemain boling untuk kontinjen UiTMCPP. Dipekkan cerita, pencapaian di Jengka merupakan pencapaian terbaik setelah empat kali menyertai temasya KARISTA. Empat acara dipertandingkan iaitu 1) acara individu 2) acara berpasangan 3) acara berkumpulan dan 4) acara master. Acara 1), 2) dan 3) dimainkan sebanyak 6 pusingan manakala acara 4) pula dalam format kalah mati. Jumlah peserta wanita seramai 40 orang.

Disertakan keputusan acara tersebut:

Peserta UiTMCPP memenangi tempat kedua termasuk pingat untuk jatuhan pin tertinggi - 194 dalam acara individu wanita, ini bererti dua pingat digondol serentak. Dalam acara berpasangan pula, kami menduduki tempat keempat, manakala acara berkumpulan pula buat julung kalinya kontinjen boling wanita UiTMCPP berjaya menggondol pingat emas!! Ini bermakna kami berjaya mengalahkan pemenang tradisi yang digeruni dalam acara tenpin boling wanita iaitu kontinjen UiTM Shah Alam yang telah menurukan pemain yang berpengalaman dan handal-handal belaka. Syukur! Sayangnya secara individu, pemenang kedua tidak dapat meneruskan kejayaan di peringkat master. Ada hari kita dapat lakukan dengan baik, ada hari orang lain pula yang dinobatkan menjadi pemenang, itulah realiti bersukan.



Kemenangan pingat oleh wakil APB, Pn. Melati bagi tenpin boling wanita.



Tiada peruntukan latihan diberikan untuk KARISTA 2023. Atlet yang telah terpilih menjalani latihan dengan biaya sendiri. Begitu juga dengan penginapan sepanjang sukan berlangsung, kami sepakat menyewa hotel di pekan Kuantan kerana perjalanan dari kampus Jengka ke Kuantan mengambil masa selama 2 jam. Kami menjalani latihan dan menginap di hotel dengan biayaan sendiri kerana tekad untuk mendapatkan keputusan terbaik. Kami juga mahukan rehat yang cukup, jadi keputusan untuk tinggal di hotel yang berdekatan adalah tepat. Nampaknya usaha kami berhasil, dan kami tidak sabar untuk menunggu KARISTA 2024 yang dijangka akan berlangsung di UiTM Cawangan Perlis!

bersambung...



dari ms 21...

Pasukan Bola Jaring

Pasukan bola jaring UiTM CPP pada mulanya telah memutuskan untuk tidak menghantar wakil pada tahun ni kerana kekurangan pemain. Namun atas semangat tidak putus asa, kami berjaya mendapatkan pemain-pemain baru bagi memantapkan lagi pasukan. Alhamdulillah kerja keras ini berbaloi apabila pasukan kami berjaya membawa pulang pingat gangsa dari KARISTA Pahang 2023. Kejayaan ini amat bermakna kerana pasukan bola jaring hanya berjaya mara ke peringkat suku akhir dengan kekalahan 1 mata di KARISTA Terengganu 2022. 11 orang pemain dari pelbagai jabatan telah memberikan komitmen 100 peratus dengan latihan dan perlawanan persahabatan dengan pelbagai pasukan demi untuk mengukuhkan kemahiran dan meningkatkan semangat berpasukan semasa perlawanan.

Pasukan kami telah ditempatkan di dalam kumpulan C bersama 3 pasukan lain dari kampus Selangor, Perak dan pasukan tuan rumah, Pahang. Walaupun UiTM CPP hanya menang 1 perlawanan di peringkat kumpulan, kami berjaya mara ke peringkat suku akhir kerana kumpulan C terdiri dari 4 kampus dan bukan 3 seperti kumpulan A (Shah Alam, Melaka, Sabah) & B (Kelantan, Negeri Sembilan, Kedah).

Di peringkat suku akhir, pasukan kami bertemu pasukan Kedah. Menang bergaya dengan mata 37-16, pasukan UiTM CPP berjaya ke peringkat separuh akhir yang telah menjanjikan pingat walau tidak mara ke perlawanan akhir. Perlawanan separuh akhir menemukan pasukan UiTM CPP dengan pasukan tuan rumah, Pahang. Seolah-olah perlawanan akhir, sorakan dan sokongan padu dari penonton UiTM Pahang agak menggetarkan pemain-pemain UiTM CPP. Permainan yang berlangsung selama 4 suku, 10-3-10-5-10, telah berpihak kepada pasukan

tuan rumah apabila pasukan UiTM CPP kalah dengan mata 21-29. Walaupun kecewa kerana gagal mara ke peringkat seterusnya, kami tetap puas kerana dapat bermain berhabis-habisan sehingga ke minit terakhir. Dengan kekalahan itu, pasukan UiTM CPP dinobatkan sebagai pemenang tempat ketiga bersama dengan pasukan Negeri Sembilan. Perlawanan akhir menyaksikan pasukan Selangor bertemu pasukan Pahang dan tahun ini berpihak kepada pasukan Selangor untuk merangkul gelaran juara.



Pasukan bola jaring yang diwakili Pn. Norhafizah dan Pn. Syahirah dari APB telah berjaya merangkul pingat gangsa.

Bermain di usia lewat 30-an agak mencabar. Secara jujur, semangat kesukanan yang tinggi telah banyak mendorong semua pemain untuk terus bertanding. Tidak dinafikan juga stamina perlu dipertingkatkan kerana sukan bola jaring ini menuntut pemain untuk berlari, melompat dan bergerak secara lincah. Kami amat bersyukur kerana tiada kecederaan serius yang dialami mana-mana pemain pada tahun ni.

Semangat kerjasama pasukan dan ukhwah sesama pemain semakin kukuh seiring slogan KARISTA Pahang 2023 "Building friendship through sportsmanship". Harapan kami semoga semua pemain dapat memperbaiki corak permainan kerana misi untuk merampas pingat emas masih belum tercapai. Mungkin di KARISTA Perlis 2024, insyaAllah.

bersembang...